



Headline: Guru wanita rugi RM138,900 ditipu sindiket 'Macau Scam'  
Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)  
Date: 4 May 2020

Section: Nasional  
Page: 13

## Guru wanita rugi RM138,900 ditipu sindiket 'Macau Scam'

**KEPALA BATAS:** Seorang guru kerugian RM138,900 selepas wanita itu ditipu sindiket 'Macau Scam' yang mendakwa mangsa terabit dengan sindiket penyelewupan dadah dan pengubahan wang haram.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), ACP Noorzainy Mohd Noor, berkata dalam kejadian di sini Jumaat lalu, wanita berusia 50 tahun itu menerima panggilan telefon daripada lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai perundangan dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di Kedah yang memaklumkan mangsa ada tunggakan RM15,000 kerana terdapat sebuah syarikat didaftarkan atas nama guru tersebut.

"Wanita itu terkejut dan dia menafikan hal tersebut, sebelum panggilannya disambungkan kepada seorang lelaki yang mengaku sebagai anggota polis di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah untuk membuat semakan kad pengenalan mangsa dan kemudian memaklumkan kepada guru itu dia turut terlibat dengan kes jenayah penyelewupan dadah serta pengubahan wang haram.

"Panggilan mangsa kemudiannya disambungkan kepada seorang lelaki yang mengaku sebagai Inspektor di Bukit Aman dan memaklumkan perlu menyiasat akaun bank wanita itu secara dalam talian memandangkan sekarang pelaksanaan Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP). Suspek turut mengugut akan menahan guru tersebut jika enggan menyerahkan maklumat serta kata laluan bank miliknya," katanya, di sini semalam.

Katanya, lelaki yang mengaku sebagai pegawai polis itu turut mengugut perkara tersebut perlu diselesaikan segera jika tidak mahu ditanah dan mangsa yang takut telah menyerahkan maklumat dua akaun miliknya kepada suspek.

Noorzainy berkata wanita itu hanya menyedari ditipu kelmarin selepas menceritakan perkara tersebut kepada anaknya dan semakan dua akaunnya juga mendapat wang sebanyak RM138,900 telah hilang serta gagal menghubungi semula 'pegawai polis' itu.

Beliau berkata wanita itu kemudiannya membuat laporan polis kelmarin berhubung kejadian tersebut.

Minggu lepas, seorang guru kerugian RM205,000 selepas wanita itu ditipu sindiket telefon 'scam' yang mendakwa maklumat peribadi mangsa telah digunakan untuk pendaftaran talian judi dalam talian, dalam kejadian di sini.

Dalam perkembangan lain, Norzaini berkata seorang pengurus sebuah syarikat turut berputih mata apabila wang simpanan dalam akaun bank milik lelaki itu hilang selepas memuat turun satu aplikasi yang dihantar sindiket penipuan dalam talian dalam

kehadian kelmarin.

Beliau berkata mangsa berumur 32 tahun itu telah menerima panggilan daripada seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai pegawai dari mahkamah di Labuan dan mendakwa pengurus tersebut terbabit kes pengedaran dadah serta pengubahan wang haram sebelum panggilan tersebut disambungkan kepada pegawai polis berpangkat Inspektor.

"Lelaki itu kemudiannya mendakwa mangsa mempunyai dua waran tangkap kes jenayah dan meminta dia memuat turun satu aplikasi ([www.negarabank.com.my/bnm.apk](http://www.negarabank.com.my/bnm.apk)) melalui WhatsApp kononnya daripada Bank Negara Malaysia (BNM) iaitu bnmsafe (8002) melalui pautan berkenaan," katanya.

Noorzainy berkata mangsa kemudian diminta memasukkan maklumat peribadi serta perbankan dan selepas sindiket itu mendapat maklumatnya mereka mengakses akaun perbankan lelaki tersebut sebelum membuat pindahan wang ke akaun pihak ketiga.

Katanya bagi melengkapkan pindahan itu, sindiket akan meminta Kod Pengesahan Transaksi (TAC) daripada mangsa dan sebaik sahaja proses tersebut selesai, lelaki berkenaan diarahkan supaya membatalkan dokumen diisinya dalam aplikasi itu sebelum menyedari wang dalam akaun telah hilang.  
— Bernama